

SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN

FESTIVAL TARIAN TRADISIONAL KREASI JOGET & ZAPIN TERBUKA BELIA MALAYSIA MADANI @ KLIA 2024

1.0 PENYERTAAN

- 1.1 Pertandingan ini merupakan **Kategori Terbuka** kepada semua warganegara Malaysia;
- 1.2 Pertandingan ini adalah berbentuk kumpulan yang dianggotai 10 orang;
- 1.3 Anggota kumpulan boleh terdiri daripada lelaki/ perempuan sahaja atau campuran;
- 1.4 Sebarang kerosakan atau kehilangan barang-barang, kecederaan atau kemalangan peserta semasa dan selepas tamat pertandingan adalah tidak ditanggung oleh pihak penganjur;
- 1.5 Penyertaan adalah PERCUMA;
- 1.6 Penyertaan adalah terhad kepada 10 kumpulan sahaja.

2.0 KONSEP TARIAN

- 2.1 Konsep persembahan tarian adalah **Tarian Tradisional Kreasi Joget dan Zapin** yang ada di Malaysia sahaja;
- 2.2 Setiap kumpulan **wajib** mempersembahkan rampaian dua buah tarian tradisional kreasi joget dan zapin;
- 2.3 Tarian kreasi zapin perlu ada tertib/ struktur zapin seperti taqsim, les, pantun, kopak dan wainab. Manakala tarian kreasi joget perlu diakhiri dengan terancang;
- 2.4 Prop serta alat sokongan yang akan digunakan disepanjang persembahan tarian adalah dibenarkan tetapi tidak boleh yang berbahaya (*yang tajam dsb*);
- 2.5 Setiap kumpulan wajib mempersembahkan tarian tradisional kreasi joget dan zapin dalam lingkungan masa **5 hingga 6 minit sahaja**;

- 2.6 Markah akan ditolak sekiranya persembahan ***kurang atau melebihi*** had masa yang ditetapkan;
- 2.7 Setiap kumpulan wajib menghantar **sinopsis Tarian Tradisional Kreasi Joget dan Zapin** yang dicipta kepada pihak penganjur untuk diserahkan kepada panel hakim seminggu sebelum pertandingan.

3.0 LAGU / MUZIK IRINGAN

- 3.1 Lagu atau muzik iringan semasa persembahan boleh terdiri daripada lagu lama dan juga lagu baharu atau lagu baharu yang digubah khas untuk tarian kreasi tersebut;
- 3.2 Lagu atau muzik iringan semasa persembahan hendaklah menggunakan format mp3 sahaja. (***instrumental atau muzik yang mengandungi suara dibenarkan***);
- 3.3 Lagu format mp3 hendaklah diserahkan kepada penganjur pertandingan sehari sebelum pertandingan dijalankan.

4.0 PAKAIAN / AKSESORI

- 4.1 Pakaian dan aksesori penari hendaklah bersesuaian dengan tarian yang dipersembahkan;
- 4.2 Pakaian yang digunakan oleh penari tidak boleh mencolok mata.

5.0 PEMARKAHAN TARIAN TRADISIONAL KREASI JOGET & ZAPIN TERBUKA BELIA MALAYSIA MADANI @ KLIA 2024

• Koreografi dan Keaslian Tari	35 markah
• Koordinasi Muzik dan Gerakan	20 markah
• Pecahan Tari dan Pola Lantai	20 markah
• Kesantunan dan kreativiti	10 markah
• Busana dan Tatarias	15 markah
JUMLAH KESELURUHAN	100 MARKAH

6.0 PENGHAKIMAN

- 6.1 Dihakimi oleh 3 orang termasuk seorang Ketua Hakim;
- 6.2 Keputusan hakim adalah ***muktamad***.

7.0 TEMPAT DAN TARIKH PERTANDINGAN

- 7.1 Tempat : Tingkat 5, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) Sepang
- 7.2 Tarikh : 13 Januari 2024 (Sabtu)
- 7.3 Masa : 8.00 pagi – 5.00 petang

8.0 HADIAH UTAMA

- 8.1 Johan : RM5,000.00 + Iringan
- 8.2 Naib Johan : RM3,000.00 + Iringan
- 8.3 Tempat ke-3 : RM1,000.00 + Iringan
- 8.4 Tempat ke-4 hingga ke-10 : RM 500.00 + Iringan

HADIAH KHAS JURI

- 8.5 Koreografi Terbaik : RM 500.00 + Iringan
- 8.6 Busana dan Tatarias Terbaik : RM 500.00 + Iringan
- 8.7 Persembahan Terbaik : RM 500.00 + Iringan

9.0 PENGANJUR

Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB)
Majlis Belia Malaysia (MBM)

Untuk penyertaan dan sebarang pertanyaan, sila hubungi :

Whatspps/call (018) 969 2796 – Razak Hamid